

SEBAGAI SEORANG KATOLIK BAGAIMANAKAH KITA MENTAFSIR ALKITAB PADA MASA INI?

Artikel berikut adalah berdasarkan kepada seksyen yang **bertajuk Tafsiran Kitab Suci di dalam Gereja** dari **VERBUM DOMINI**, Gesaan Apostolik Pasca Sinode Paus Benedict XVI tentang *FIRMAN ALLAH DALAM HIDUP DAN MISI GEREJA* dan diberikan untuk renungan, doa dan tindakan anda pada HARI MINGGU ALKITAB 2015 oleh Komisi Alkitab Serantau Konferensi Para Uskup Malaysia-Singapura-Brunei.

Ketika kita berusaha untuk membaca dan memahami Alkitab, kita mungkin bertanya sama ada terdapat cara Katolik yang tersendiri untuk melakukan demikian. Bagaimanakah pendekatan kita terhadap Firman Tuhan ketika kita cuba untuk memahami dan menghidupinya dalam kehidupan kita seharian?

ALKITAB –BUKU BAGI KOMUNITI GEREJA YANG HIDUP

Apabila kita cuba untuk memahami dan mentafsir Alkitab, perlu diingat bahawa "*Alkitab telah ditulis oleh Umat Allah untuk Umat Allah, di bawah inspirasi Roh Kudus.*" Oleh itu, kita harus ingat bahawa hanya dalam kesatuan dengan Umat Allah kita benar-benar dapat masuk ke dalam pusat kebenaran seperti yang Allah ingin sampaikan kepada kita. Ya, kita mungkin membaca Alkitab secara individu untuk pertumbuhan peribadi kita sendiri, tetapi kita mesti sentiasa ingat bahawa Alkitab berkembang daripada pengalaman hidup Umat Allah dan dengan itu kita mesti melihat mesejnya melalui pandangan komuniti yang dibimbing oleh Roh yang mewujudkannya dan secara terus melihatnya sebagai Firman Tuhan kepada manusia.

Gereja mentafsirkan Kitab Suci Yahudi yang kita kenali sekarang ini sebagai Perjanjian Lama dalam terang Inkarnasi, Kehidupan dan Pelayanan (khususnya, Kesengsaraan, Kematian dan Kebangkitan) Tuhan Yesus Kristus. Begitu juga pengalaman Gereja tentang Yesus semasa Dia masih di dunia dan kemudian selepas Kenaikan-Nya ketika ia berkembang sejak permulaan semasa Pentekosta telah mewujudkan kitab-kitab Perjanjian Baru. Jika Alkitab difahami sebagai datang dari Gereja, maka sesungguhnya, bersama dengan Gereja dan berharmoni dengan ajarannya dan di bawah bimbingan Magisterium (kuasa mengajar Gereja) kita perlu mentafsirkan kandungan dan mesejnya seperti apa yang Allah hendak sampaikan.

TAFSIRAN

KAEDAH: Terdapat pelbagai kaedah telah digunakan untuk memperoleh pemahaman teks-teks Alkitab yang lebih kaya. Hasil kerja terkini dalam mentafsirkan Alkitab banyak bergantung kepada kaedah 'kritikal-bersejarah' yang sangat diperlukan itu dan lain-lain kaedah analisis teks terbaru yang telah membawa banyak manfaat. Kaedah kritikal-bersejarah memperhatikan jenis dan gaya (genre) penulisan dan juga cuba untuk melihat konteks peristiwanya yang berlaku pada ketika itu sebelum cuba untuk melihat mesejnya untuk masa kini. Sesungguhnya kaedah penyelidikan serius sejarah adalah penting bagi pemahaman yang sepatutnya bagi mana-mana teks.

KRITERIA: Konstitusi Dogmatik Konsili Vatikan Kedua, *Dei Verbum* menunjukkan tiga kriteria asas untuk penghayatan dimensi ilahi Alkitab:

- 1) *Teks ini mesti ditafsirkan dengan perhatian diberikan pada kesatuan seluruh Kitab –* Oleh itu kita tidak harus cuba untuk melihat satu petikan secara berasingan dari apa yang dinyatakan oleh seluruh Kitab Suci.

- 2) *Harus diambil perhatian keseluruhan Tradisi Gereja yang hidup*—Sekali lagi kita melihat petikan tidaklah secara berasingan dari segi masa tetapi bagaimana ia telah dilihat sepanjang zaman sejak dari gereja awal dan seterusnya.
- 3) *Perhatian penuh harus juga diberikan kepada analogi iman* —Satu-satu petikan tidak boleh dilihat bertentangan dengan iman dan ajaran Gereja.

EKSEGESIS ALKITAB DAN TEOLOGI

Sejarah adalah medan di mana Allah berkarya. Oleh itu ia perlu ditafsirkan berdasarkan iman dan taakulan. Eksegesis Alkitab atau Tafsiran perlu selaras dengan Teologi. Dengan cara ini, kita dapat mengelakkan subjektif yang keterlaluan dan kesembarangan yang melampau seperti yang berlaku kepada para fundamentalis, di mana taakulan diabaikan atau kecenderungan untuk merohanikan segala sesuatu. Walaupun kita selalu bermula dengan melihat teks daripada *erti kata hurufiahnya*, kita juga mesti terbuka kepada mesej di luar darinya yang membolehkan aspek kerohaniannya juga muncul dan tidak membenarkan diri kita dimanipulasi atau menjadi tersilap. *Pengertian rohani* adalah “erti yang diungkapkan oleh teks-teks alkitab apabila dibaca di bawah naungan Roh Kudus, dalam konteks misteri paska Kristus dan hidup baru yang mengalir daripadanya.” Oleh itu, tafsiran Kitab Suci mesti melibatkan kehidupan dan iman peribadi kita. Pentafsiran melihat kebenaran yang menyelamatkan itu bagi kehidupan individu Kristian dan Gereja. Ia menghargai nilai sejarah tradisi alkitabiah dan bertujuan untuk mencari makna hidup dalam Kitab-kitab Suci untuk kehidupan umat beriman pada hari ini.

Untuk tujuan ini, tafsiran kita harus menelusuri dari *apa yang tersurat* kepada *apa yang tersirat*. Firman Allah bukanlah semata-mata perkataan. Proses pentafsiran sebenar bukanlah semata-mata proses intelek tetapi juga sesuatu yang *dihidupi*, memerlukan penglibatan sepenuhnya dalam kehidupan Gereja, iaitu kehidupan “menurut Roh” (Gal 5:16).

BAHAYA

Salah satu bahaya ialah Alkitab dilihat hanya sebagai buku sejarah, berkaitan dengan masa lampau tanpa menyedari bahawa ia juga berguna pada hari ini. Ia juga mempunyai mesejnya yang tersendiri untuk masa kini!

Satu lagi bahaya ialah mengkajinya dengan pemikiran duniawi tanpa mata iman. Sebagai contoh, apabila unsur ilahi hadir, ia dijelaskan secara terkeluar makna dan direndahkan hanya kepada unsur manusia. Dengan cara ini, ia menafikan sejarahnya dalam unsur ilahi. Ini boleh membahayakan kehidupan Gereja kerana ia membawa keraguan ke atas asas misteri Kristianiti dan kesejarahannya.

Walau bagaimanapun, adalah penting untuk kita ingat bahawa tafsiran Alkitab atau eksegesis “*benar-benar setia dengan makna sebenar teks-teks alkitab bila ia bergerak bukan sahaja ke pusat formulasi mereka untuk mencari realiti iman yang dinyatakan, tetapi juga bertujuan untuk mengaitkan realiti ini kepada pengalaman iman dalam dunia kita sekarang*”. (*Verbum Domini* 37) Firman Allah adalah aktif dan hidup. Ia ditujukan kepada kehidupan kita di sini dan pada masa ini.

KAITAN ANTARA PERJANJIAN LAMA DAN BARU

Kita juga perlu mengambil kira kaitan antara Perjanjian Lama dan Baru. Perjanjian Baru itu sendiri mengakui Perjanjian Lama sebagai Firman Tuhan dan dengan itu menerima wewenang Kitab Suci bangsa Yahudi. Perjanjian Baru sering menggunakan bahasa yang sama dan sering merujuk pada petikan dari Perjanjian Lama. Ia dengan jelas mengakuinya dengan memetik banyak bahagian darinya sebagai asas untuk berhujah. Perjanjian Baru dilihat sebagai memenuhi Perjanjian Lama tetapi ini perlu dilihat dalam syarat-syarat berikut:

- Aspek *kesinambungan* asas, seperti yang dilihat dalam penggunaan tipologi Perjanjian Baru. Ibrani 11:17-19 berkenaan dengan korban Ishak yang membawa kepada Allah menerima dia kembali dalam terang ayat 19: “Allah berkuasa membangkitkan orang-orang sekalipun dari antara orang mati”, Allah mengangkat Ishak kepada kehidupan adalah tipologi pengorbanan Yesus dan kebangkitan dari antara orang mati.
- Aspek *ketidaksinambungan*, berkenaan dengan institusi dalam Perjanjian Lama. Sebagai contoh, Keimamatan Agung Kristus dalam Surat kepada orang Ibrani dilihat sebagai berbeza dari keimamatan Perjanjian Lama.
- Aspek *pemenuhan dan transenden*. Kita melihat ini dalam Yesus memetik Yesaya ketika Dia memulakan misi-Nya dalam Lukas 4:18-19.

PETIKAN YANG SUKAR

Terdapat petikan “gelap” atau sukar dalam Alkitab yang kita terpaksa hadapi - beberapa darinya mengandungi unsur keganasan dan tidak bermoral. Apa yang kita perlu ingat di sini ialah wahyu Alkitab adalah progresif; Rancangan Tuhan dimanifestasikan *secara progresif* dan ia disempurnakan secara perlahan-lahan, *secara berperingkat-peringkat dengan berturut-turut*. Walaupun terdapat kelemahan, Allah memilih bangsa Israel dan sabar berkarya untuk membimbing dan mendidik mereka. Kita mesti memahami tahap budaya dan moral dizaman yang sangat berbeza daripada masa kita sendiri di mana kejadian keganasan dan pembunuhan beramai-ramai tidak dikecam. Di sini kita perlu membenarkan pakar-pakar yang berkelayakan untuk membantu kita memahami konteks yang berbeza dan melihat jauh untuk melihat apa yang mendasari mesej Allah.

EKUMENSIME

Mentafsirkan Alkitab juga melibatkan hubungan kita dengan umat Kristian lain. Kesatuan umat Allah, yang mana mahu dipulihkan oleh gerakan ekumenikal, secara mendalam berasaskan Kitab Suci. Dengan mendengar, berkongsi dan bermeditasi bersama-sama pada Kitab Suci, kita mengalami persekutuan sebenar, walaupun persekutuan yang tidak sempurna. Ini mendorong kita ke arah dialog kasih dan membolehkan pertumbuhan dalam dialog akan kebenaran.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, orang-orang kudus menonjol sebagai contoh terbaik bagi kita hari ini sebagai orang-orang yang telah benar-benar menghidupi Firman Allah. Mereka membiarkan diri mereka dibentuk oleh Firman Allah melalui mendengar, membaca dan meditasi, membenarkan diri mereka menjadi “tanah yang baik” di mana penabur ilahi menanam Firman.

Semoga Firman menghasilkan dalam diri kita buah-buah kekudusan, “ada yang tiga puluh kali ganda, ada yang enam puluh kali ganda, ada yang seratus kali ganda” (Markus 4:20).

Teks penuh *Verbum Domini* boleh dilihat di

http://w2.vatican.va/content/benedict-xvi/en/apost_exhortations/documents/hf_ben-xvi_exh_20100930_verbum-domini.html

SOALAN UNTUK REFLEKSI:

1. Bagaimanakah kita sebagai seorang Katolik mempengaruhi cara kita mentafsir Alkitab?
2. Lihatlah bacaan Hari Minggu ini. Apakah kaitan antara Bacaan Pertama dengan Injil? Bolehkah anda melihat a) *kesinambungan*, b) *ketidaksinambungan*, c) *kepenuhan*?
3. Apakah pendekatan saya terhadap petikan-petikan yang sulit dalam Alkitab?